

Wakil Perak bimbang Melayu papa kedana di negara sendiri

UMNO Perak bimbang orang Melayu akan terus kempunan daripada merasai nikmat negara maju sekiranya pihak tertentu dibiarkan mempersoalkan kedudukan ekonomi golongan itu.

Ia berikutan ada suara sumbang yang semakin nyaring mempertikaikan pencapaian orang Melayu ketika ini, termasuk mempersoalkan cara pengiraan sebenar kedudukan ekonomi orang Melayu.

Wakil Perak, Datuk Hamdi Abu Bakar, berkata perkara itu tidak seharusnya timbul kerana orang Melayu jauh ketinggalan berbanding kaum lain dari segi pemilikan hartanah dan syarikat.

"Cuba kita bayangkan kalau kita cabut semua bangunan milik bukan Melayu di Kuala Lumpur... apa yang kita nampak Menara Berkembar, kita bayangkan pula di Genting, kalau dicabut semua

BH-16/11/2006
bangunan, yang tinggal apa," katanya ketika membahaskan usul ucapan dasar Presiden.

Kebimbangan Hamdi menarik perhatian Timbalan Pengerusi Tetap, Datuk Paduka Amiruddin Badruddin yang mencelah "Kalau cabut apa yang tinggal, tak ada lagi."

Hamdi bagaimanapun menambah: "Dogoi, macam ayam bulu balik, yang tinggal Menara Berkembar... kalau di Pulau Pinang, tinggal Menara Tun Razak... yang lain macam padang jarak padang terkukur."

Sambil meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memperingatkan kaum lain mengenai kontrak sosial, beliau berkata, mereka yang kecewa ialah orang Melayu sendiri yang selama ini sentiasa mempertahankan parti ketika pilihan raya.

"Mereka tak fikir pun hal ini, mereka ingat survival mereka... tapi kenapa kita pula tak boleh cakap pasal survival di bumi sendiri. Ini tak betul, kita kena fikir survival kita sebab kita tuan. Tuan apa kalau papa kedana... tuan apa kalau keadaan selekeh, tuan mesti hebat, baru boleh kata kita tuan," katanya.

Katanya, bukan Melayu tidak perlu bimbang jika Melayu maju kerana Melayu akan menjadi tuan yang baik dan memerintah secara adil.

Ingatannya supaya Melayu terus memperkuatkan kekuatan ekonomi dan politik disampaikan melalui pantun:

*Perak terkenal dengan timah,
Ramai orang menjadi kaya,
Politik handal ekonomi lemah,
Bagai berperang tanpa senjata.*

*Patah sebatang pohon mengkudu,
Daunnya gugur di hujung taman,
Apalah malang ketuanan Melayu,
Nasibnya terbujur di anjung harapan.*